



Headline: Guru ditipu, baki simpanan tinggal RM1
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 21 May 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 41

Guru ditipu, baki simpanan tinggal RM1

KUALA TERENGGANU- Seorang guru terkedu mendapati baki wang simpanan di dalam sebuah akaun bank hanya tinggal RM1 dipercayai 'disedut' sindiket penipuan.

Kejadian bermula pada 1 Mei lalu, selepas wanita berusia 46 tahun itu ada menerima pesanan ringkas daripada 'Pengarah Bank Negara' memaklumkan memenangi kuiz bernilai RM30,000.

Menurut sumber, bagi menebus hadiah lumayan itu, mangsa hanya diminta menghantar gambar kad ATM mana-mana bank miliknya kepada 'pengarah' bank terbabit.

"Tanpa sebarang syak, mangsa terus menghantar gambar diminta sebelum 'pengarah' itu memaklumkan baki duit simpanan yang ada tidak mencukupi untuk dia memasukkan wang sebanyak itu.

"Susulan itu, mangsa diminta memasukkan wang bagi menggenapkan jumlah di dalam akaunnya dan bermula pada 1 hingga 12 Mei lalu, mangsa sudah memasukkan keseluruhan RM2,500," katanya.

Sumber berkata, sejurus itu, 'pengarah' bank tersebut berjanji akan memasukkan wang dimenangi ke dalam akaun mangsa dalam tempoh seminggu.

"Bagaimanapun Isnin lalu, mangsa membuat pemeriksaan baki akaun banknya sebelum terkejut mendapati duit simpanannya hanya tinggal RM1.

"Mangsa yang tidak berpuas hati terus berjumpa kakitangan bank berkenaan bagi meminta penyata bank untuk membuat pemeriksaan selanjutnya.

"Hasilnya, mangsa tergamam mendapati wang simpanannya dikeluarkan beberapa kali pada tarikh dan jumlah berbeza-beza sehinggalah tinggal baki RM1," katanya.

Yakin dirinya sudah ditipu selain turut dinasihatkan oleh pihak bank, mangsa terus membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Superintendan Suffian Sulaiman mengesahkan ada menerima laporan kejadian.



SUFFIAN